

Usahasama hasilkan minyak sayuran berasas bio

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) menjalinkan kerjasama dengan Solution Engineering Holdings Bhd. (SEH) dalam mereka bentuk dan mengeluarkan loji uji pandu (*pilot plant*) bernilai RM4 juta yang berkebolehan menghasilkan minyak sayuran berasaskan bio di Puchong, Selangor.

Pengarah Urusan SEH, Barry Lim berkata, kerja-kerja pembinaan dijadualkan bermula pada suku pertama tahun ini di kuarters induk syarikat yang dijangka beroperasi dan berada di pasaran pada 2010.

"Apabila siap *pilot plant* tersebut mampu menghasilkan keluaran sehingga 700 metrik tan setiap tahun," katanya.

Beliau menasarkankan pasaran produk syarikatnya tertumpu di Eropah, Korea, Jepun dan Amerika Syarikat. Ini kerana permintaan tinggi negara tersebut terhadap minyak berasaskan bio yang akan digunakan dalam proses pengadunan minyak polimer bio mesra alam.

"Bahan mentah yang digunakan dalam proses pengeluaran tersebut ialah biodiesel daripada minyak sawit mentah.

"Minyak sayuran dan bahan mentah tumbuhan lain seperti *Jatropha* juga boleh digunakan," katanya. Barry berkata, *Jatropha* adalah tumbuhan tropika yang kian mendapat perhatian antarabangsa disebabkan



ROBIAH YUNUS (kanan) mengetuai penyelidikan membangunkan teknologi proses *pilot plant* di Puchong, Selangor.

potensinya sebagai bahan bakar biodiesel. Katanya, penyelidik dari Jabatan Kejuruteraan Kimia dan Alam Sekitar, Fakulti Kejuruteraan UPM, Prof. Madya Dr. Robiah Yunus mengetuai penyelidik

lain dalam membangunkan teknologi proses *pilot plant* tersebut. "UPM telah menerima geran Technofund berjumlah RM4.55 juta daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi pada Oktober 2007 yang lalu

Hari Maklumat KLIUC

Kolej Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur (KLIUC) akan mengadakan Hari Maklumat pada 21 Mac ini di auditorium universiti itu di Jalan Serdang - Kajang, Selangor mulai pukul 9 pagi hingga 5 petang. Berikut adalah programnya:

MASA/TAJUK

- 10.00-11.00 pagi - Air dan air buangan
- 11.15-12.00 pagi - Bahan-bahan teknologi
- 12.30-1.30 tengah hari - Sains keputusan
- 2.3-3.30 petang - Senibina

untuk tujuan tersebut," katanya. Kerjasama antara UPM dan SEH adalah projek pertama dijalankan untuk tujuan penyelidikan dan pengkomersialan. Tambah Barry, 30 peratus daripada jumlah peruntukan akan digunakan untuk pembelian kelengkapan analisis dan ujian, bayaran penyelidikan dan reka bentuk, sijil pemasaran dan produk serta bahan mentah.

Solution Engineering mempunyai kepakaran dalam reka bentuk dan pembangunan kelengkapan pengajaran pendidikan kejuruteraan seperti kejuruteraan kimia, mekanikal, elektrik dan kawalan.